

KOLEKSI SOALAN
PERCUBAAN SPM
TASAWWUR ISLAM
TAHUN 2023

BAHAGIAN B
SOALAN 2

TERENGGANU
JOHOR
PAHANG
PERAK
SARAWAK

DISEDIAKAN OLEH:

CIKGU SITI NASRAH BINTI DAUD

SMK TEJA PUTRA, DUNGUN, TERENGGANU

TERENGGANU

- 2
- (a) (i) Alam terbahagi kepada dua. [4 markah]
Nyatakan **dua** alam tersebut beserta contoh.
 - (ii) Senaraikan **dua** perkara yang akan dilalui oleh manusia di alam barzakh. [2 markah]
 - (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan khalifah? [2 markah]
(ii) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap pendidikan. [4 markah]
 - (c) Jelaskan kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dalam kalangan masyarakat. [2 markah]



- (i) Nyatakan matlamat perundangan yang bersesuaian dengan poster di atas. [1 markah]
- (ii) Matlamat perundangan tersebut mampu menaikkan imej umat Islam daripada dipandang serong oleh masyarakat lain. Bagaimanakah perkara tersebut dapat direalisasikan? [5 markah]

JOHOR

- 2 (a) (i) Nyatakan maksud perundangan Islam. [2 markah]
(b) (i) Nyatakan pematuhan perundangan Islam dalam kehidupan berdasarkan aspek pembelajaran ilmu agama. [1 markah]

Gejala minum arak merupakan salah satu punca berlakunya jenayah – jenayah lain seperti rogol dan bunuh

- (ii) Huraikan cara Islam menyelesaikan masalah di atas. [5 markah]
(c) (i) Terangkan **dua** kepentingan akhlak terhadap negara. [4 markah]
(ii) Jelaskan cara pengamalan akhlak Islam yang berikut
i) Hormat menghormati [2 markah]
ii) Tolong menolong [2 markah]
(d) Jelaskan dua cara memupuk akhlak mulia dalam diri manusia supaya berakhlak mulia dalam kehidupan. [4 markah]

SARAWAK

"Akidah adalah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat-sifat kesempurnaanNya berdasarkan dalil akli dan nqli"

- 2 (a) (i) Senaraikan **empat** sifat mustahil bagi rasul. [4 markah]
(ii) Iman manusia boleh bertambah dan berkurang. Terangkan **dua** amalan yang berkaitan dengan akidah yang benar dalam Islam. [4 markah]
(iii) Nyatakan perbezaan antara dalil akli dan dalil nqli. [2 markah]
(b) (i) Setiap manusia akan mati apabila sampai aialnya. Pada pendapat anda apakah yang akan terjadi jika manusia mengingkari adanya kiamat. [6 markah]
(ii) Terangkan **dua** pembuktian pegangan akidah yang benar dalam kehidupan. [4 markah]

PAHANG

2. (a) Nyatakan **empat** contoh Alam Musyahadah. [4 markah]

- (b) Huraikan **dua** tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT terhadap alam. [4 markah]

Adam akan menjalani latihan hoki bagi menghadapi kejohanan MSSD di padang SMK XP.

- (c) Apakah tindakan yang perlu Adam lakukan bagi memastikan setiap latihan yang dilakukan bertepatan dengan kehendak syarak. Bincangkan. [6 markah]

(d) (i) Berikan maksud perundangan Islam.

[2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam dalam kehidupan.

[4 *markah*]

PERAK

- 2 (a) Apakah maksud insan ? [2 markah]

- (b) Terangkan **dua** kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dalam aspek politik. [4 markah]

- (c) Cadangkan **dua** tindakan untuk memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. [4 markah]

- (d) Terangkan **dua** matlamat perundangan Islam. [4 markah]

(e) i.

....dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya)

Surah al Baqarah ayat : 217

Apakah hukuman yang diperuntukkan oleh perundangan Islam bagi bagi kesalahan di atas [2 markah]

(e) ii. Mengapakah Islam mengenakan hukuman yang tegas terhadap kesalahan tersebut.

[4 markah]

PANDUAN PENSKORAN

TERENGGANU

2	(a)	(i)	Dua alam tersebut ialah: - Alam musyahadah- pokok, gunung, laut dll - Alam ghaib- syurga, neraka, alam barzakh, alam rahim	2 isi x 2m =4 markah
		(ii)	Dua perkara yang akan dilalui oleh manusia di alam barzakh ialah: - Soalan Munkar dan Nakir - Nikmat dan seksaan kubur	2 isi x 1m =2 markah
	(b)	(i)	Maksud khalifah ialah manusia yang wajib mentadbir dan memakmurkan bumi selari dengan kehendak syarak.	1 isi x 2m =2 markah
		(ii)	Dua kepentingan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah ialah: - Dapat melahirkan masyarakat madani yang bertaqwa. - Masyarakat mendapat pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi yang seimbang. - Dapat melahirkan tenaga pakar untuk mentadbir dan memakmurkan alam.	2 isi x 2m =4 markah
	(c)		Dua kesan pengabaian tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT dalam kalangan masyarakat ialah: - Masyarakat akan kekurangan ilmu pengetahuan dan jahil - Akan berlakunya keruntuhan akhlak dan jenayah secara berleluasa. - Berlaku perpecahan dan diskriminasi dalam kalangan masyarakat.	1 isi x 2m =2 markah
	(d)	(i)	Matlamat perundangan yang bersesuaian dengan poster di atas ialah memelihara keturunan.	1 isix 1m =1m
		(ii)	Perkara tersebut dapat direalisasikan melalui pensyariatan perkahwinan (F1/1M) bagi melahirkan zuriat yang sah (H1/1M) sehingga mewujudkan keluarga Islam yang terdidik dengan ilmu agama(H2/1M) Kesannya, umat Islam terselamat daripada perbuatan keji seperti zina (H3/1M). Oleh itu, kita hendaklah patuh kepada undang-undang Islam agar diri kita selamat di dunia dan di akhirat (K/1M). Pilihan Jawapan: - Penetapan golongan wanita yang haram dikahwini seperti ibu, adik-beradik perempuan dan lain-lain. - Melarang perbuatan zina, liwat, lesbian dan gay kerana boleh merosakkan keturunan. - Mensyariatkan hukuman sebat 100 kali (penzina belum berkahwin) atau rejam sampai mati(penzina sudah berkahwin) supaya masyarakat mengambil iktibar.	F=1M H1=1M H2=1M H3=1M K=1M =5 markah

JOHOR

2	(a) (i) Maksud perundangan Islam. -Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia dalam pelbagai aspek kehidupan sama ada berkaitan dengan akidah, ibadat, akhlak, muamalat, munakahat dan jenayah demi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. (b) (i) Pematuhan perundangan Islam dalam kehidupan berdasarkan aspek pembelajaran ilmu agama. - Mengukuhkan hubungan manusia dengan Allah - Meningkatkan ketakwaan kepada Allah (ii) Huraikan cara Islam menyuarakan masalah diatas - Mempelajari ilmu agama(1m) kerana dapat memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah swt.(1m) Contohnya menunaikan solat fardhu.(1m) Kesannya dapat menghindarkan daripada perbuatan mungkar.(1m) Oleh itu, kita hendaklah mendalami ilmu agama agar hidup diredhai Allah swt.(1m) (c) (i) Terangkan dua kepentingan akhlak terhadap negara. - Membina jati diri yang baik mengikut Al quran dan Assunah - Melahirkan masyarakat yang bertakwa agar negara aman. (ii) Cara pengamalan akhlak Islam yang berikut: i) Hormat menghormati - Saling menghormati sesama rakan tanpa mengira bangsa dan agama - Memuliakan tetamu tanpa mengira kedudukan. Mana- mana jawapan yang sesuai	[2 markah] [1 markah] [5 markah] (isi + h1 + h2+h3+ kesimpulan [4 markah] [2 markah]
(d)	ii) Tolong menolong - Suka menghulurkan bantuan seperti membantu rakan dalam kesusahan. - Cepat membantu apabila orang lain memerlukan pertolongan. Mana – mana jawapan yang sesuai Jelaskan dua cara memupuk akhlak mulia dalam diri manusia supaya berakhlak mulia dalam kehidupan. - Mentaati perintah Allah dan RasulNya - Mujahadah dalam memperbaiki diri - Mencontohi dan meneladani Rasulullah SAW yang berperketi mulia. - Sentiasa berdoa memohon dihiiasi akhlak mulia. - Sentiasa bermuhasabah diri. - Bersabar dan istiqamah dalam berakhlak mulia.	[2 markah] [4 markah]

SARAWAK

2	(a)	(i)	<u>Empat sifat mustail bagi Rasul</u> 1. Al-Kizb 2. Al-Khianah 3. Al-Kitman 4. Al-Baladah	[4 Isi X 1m] [2 markah]
---	-----	-----	--	-------------------------------

(ii) **Dua amalan yang berkaitan dengan akidah yang benar Islam** [2 Isi X 2m]
[4 markah]

1. Berdoa kepada Allah SWT samaada ketika senang dan susah
2. Bertawakkal kepada Allah SWT setelah berusaha bersungguh-sungguh
3. Sentiasa berzikir untuk mengingati Allah SWT

Mana-mana jawapan yang munasabah

(iii) **Dalil Akli dan Nakli** {1 Isi X 1m}
[2markah]

1. Dalil Akli ialah dalil yang lahir dari akal manusia yang sejahtera
2. Dalil Nakli ialah dalil yang bersumberkan nas Al-Quran dan As-Sunnah

(b) (i) **Jika manusia mengingkari adanya kiamat**

1. Kafir/kerana percaya kepada kiamat adalah hukumnya wajib/ bagi setiap orang Islam.
2. Berdosa besar/kerana tidak percaya kepada hari kemusnahan Alam/menyebabkan hidupnya dilaknat oleh Allah SWT

[2 Isi X 2h X 2h]

Mana-mana jawapan yang munasabah diterima

[6 markah]

(ii) **Dua kesan menghayati Rukun Islam** 2Isi x 2 huraian

1. Menjadikan seseorang lebih taat dan patuh dengan segala perintah Allah SWT
2. Menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat
3. Dapat menghindarkan diri daripada maksiat

[4 markah 2 Isi]

PAHANG

2.	(a)	◆ Lautan ◆ Haiwan ◆ Manusia ◆ Tumbuhan ◆ Bukit bukau ◆ Cakerawala Jawapan munasabah diterima.	(4 isi x 1 m)
	(b)	◆ Mentadbir / memakmurkan alam (1m) secara terancang. (1m) ◆ Memelihara alam daripada pencemaran (1m) dengan tidak membuang sampah merata-rata. (1m) ◆ Menggunakan sumber alam semula jadi (1m) secara bijaksana / efektif. (1m) ◆ Menggiatkan usaha pemuliharaan alam (1m) bagi menjaga kelangsungan hidup flora / fauna. (1m) Jawapan munasabah diterima.	(2 isi x 2 m)
	(c)	Rubrik Pengskoran :- Contoh jawapan :- Adam wajib memakai pakaian sukan yang menutup aurat (F) agar selaras dengan syariat Islam (H1) yang akan menyebabkan Allah SWT meredainya (H2) Hal ini menyebabkan dia terpelihara daripada perkara haram (H3). Kesimpulannya, Adam wajib melaksanakan perintah Allah SWT (H4) dalam semua aspek kehidupan. (H5) Cadangan isi :- ◆ Berlatih selepas menunaikan Solat Asar. ◆ Memulakan dengan bacaan doa Jawapan munasabah diterima.	(6 isi x 1 m)
	(d)	(i) Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT kepada manusia (1m) dalam berbagai aspek kehidupan (1m) (ii) ◆ Memperoleh harta secara halal (1m) tanpa berlaku pencerobohan harta. (1m) ◆ Memastikan akal manusia terpelihara (1m) daripada perkara-perkara yang merosakkan pemikiran. (1m). ◆ Menjaga akidah umat Islam daripada terpesong (1m) seperti tiada unsur-unsur syirik / kufur. (1m) ◆ Melahirkan zuriat yang halal / sah / sah taraf (1m) hasil daripada perkahwinan yang mengikut syarak. (1m) ◆ Menjamin keselamatan diri daripada perbuatan yang membahayakan nyawa (1m) contohnya membunuh diri. (1m) Jawapan munasabah diterima.	(2 isi x 1 m) (2 isi x 2 m)

PERAK

2	(a)	• Makhluq ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal /dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT . • Manusia – 1M	1 isi x 2 M = 2 markah													
	(b)	• Melahirkan pemimpin yang berintegriti / dalam melaksanakan pentadbiran dan pemerintahan negara. • Kestabilan politik terjamin / demi keharmonian negara. • Melancarkan urusan pentadbiran negara/ ke arah mewujudkan negara yang lebih stabil. • Negara menjadi aman dan sejahtera / tanpa sebarang permusuhan dan pergaduhan	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian													
	(c)	• Menjaga sikap dan tingkah laku • Memupuk akhlak yang mulia • Menjaga kesucian diri • Menjaga Amanah • Memastikan ahli keluarga dibina atas ketakwaan dan kasih sayang • Mengambil berat, membantu dan membimbing rakan-rakan	2 Isi x 2M= 4 markah													
	(d)	• Memelihara agama / contohnya menjauhi perbuatan syirik • Memelihara nyawa / dengan melarang perbuatan membunuh diri • Memelihara akal / seperti melaksanakan hukuman sebat kepada peminum arak • Memelihara keturunan / dengan mensyariatkan perkahwinan • Memelihara harta / seperti melarang perbuatan mencerooboh harta	2 Isi x 2 M= 4 markah Isi + Huraian													
	(e)	i	• Dibunuh / yang hanya diputuskan oleh pemerintah muslim/ sekiranya pelaku enggan bertaubat. • Dibunuh – 1 M	[2 markah]												
	(e)	ii	<table border="1"> <tr> <th colspan="2">Rubrik Penskoran</th> </tr> <tr> <th>Kriteria</th> <th>Skor</th> </tr> <tr> <td>Menyatakan satu pandangan (F)</td> <td>1M</td> </tr> <tr> <td>Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)</td> <td>2M</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)</td> <td>3M</td> </tr> <tr> <td>Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas</td> <td>4M</td> </tr> </table> Cadangan isi/fakta • Memelihara kesucian agama Islam. • Mengelakan penghinaan terhadap agama Islam. • Mewujudkan keharmonian dalam masyarakat. • Menjaga akidah umat Islam.	Rubrik Penskoran		Kriteria	Skor	Menyatakan satu pandangan (F)	1M	Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M	Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M	Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	4M	4 Markah
Rubrik Penskoran																
Kriteria	Skor															
Menyatakan satu pandangan (F)	1M															
Menjelaskan pandangan/ Huraian Ringkas (H1)	2M															
Menghuraikan pandangan/ Huraian lengkap / Contoh atau sebab atau dalil (H3)	3M															
Menghuraikan pandangan / Kesimpulan ringkas	4M															